

28/02/2000

Pelaksanaan pusat jagaan anak perlu lebih serius

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

SUNGGUHPUN wanita sudah dapat diterima sebagai penyumbang kepada ekonomi negara, masih ramai yang memandang remeh kepada keupayaan wanita dan hak mereka sebagai pekerja. Sekiranya ada sekalipun, bilangan yang mengakui hak wanita adalah amat rendah.

Lihat saja kepada isu sistem sokongan dan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja. Isu ini bukanlah sesuatu yang baru. Sudah bertahun-tahun ianya dibincangkan, baik di meja perbincangan sektor kerajaan, kesatuan sekerja atau pertubuhan bukan kerajaan yang memperjuangkan isu wanita.

Namun, setiap kali topik ini timbul, ianya hanya tinggal perbincangan semata-mata, tanpa sebarang tindakan lanjut. Ibarat anjing menyalak bukit sekuat manapun salakan si anjing, tanpa jentera khas, mana mungkin bukit boleh runtuh.

Begitu juga dengan pelaksanaan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Tanpa sokongan kerajaan dan majikan khususnya, pusat penjagaan ini pasti akan hanya menjadi khayalan semata-mata.

Sehubungan itu, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Bahagian Wanita meminta Kementerian Sumber Manusia segera mewujudkan satu undang-undang atau peraturan khas berkaitan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja dengan majikan perlu menyumbang 30 peratus kepada kosnya.

Pengerusinya, Silam Hassan berkata, sudah tiba masanya bagi semua pihak untuk mengambil isu ini dengan lebih serius kerana masalah penjagaan anak merupakan masalah utama bagi mana-mana wanita bekerja. "Kita sudah masuk alaf baru, tetapi pemikiran kebanyakan daripada kita masih lagi ketinggalan. Jika kita ingin memajukan negara (bukan setakat dalam konteks ekonomi tetapi sosial dan budaya), kita perlu menyediakan insentif ini kepada pekerja," katanya.

Mengikut peruntukan perlindungan kesihatan ibu dan anak yang ditetapkan ILO, majikan wajar menyediakan keperluan tertentu sepanjang tiga fasa kehidupan reproduktif wanita - kehamilan, melahirkan bayi dan selepas bersalin.

Sehubungan itu, Silam berkata, tahun ini merupakan tahun kedua bagi Persatuan Buruh Antarabangsa (ILO) membuat sokongannya terhadap konvensyen berkaitan perlindungan wanita bersalin. Antara topik yang diberi penekanan dalam konvensyen itu termasuk tiga bulan cuti bersalin dan tempat penyusuan ibu.

Katanya, topik perlindungan wanita bersalin dan pusat jagaan kanak-kanak ini berkait rapat kerana majikan dikehendaki menyediakan tempat khas bagi penyusuan ibu, yang juga boleh dijadikan sebagai pusat jagaan berkenaan.

"Melalui konvensyen itu, MTUC berharap kerajaan dapat menggesa pihak majikan menyediakan kemudahan tersebut kepada pekerjanya," kata Silam.

Pada masa yang sama, MTUC juga sedia bekerjasama dengan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO) dan Jabatan Hal Ehwal Wanita (Hawa) bagi mencapai tujuan itu.

Mengenai masalah birokrasi yang perlu dilalui majikan, Silam berkata, MTUC sedar terdapat beberapa masalah yang perlu ditangani dalam menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak.

Antaranya ialah kawasan atau bangunan yang tidak sesuai, masalah pengangkutan terutama bagi pekerja kilang, masalah mendapatkan kelulusan beberapa jabatan kerajaan dan kos penyelenggaraannya.

"Sekiranya majikan mendapati terlalu sukar bagi mereka menubuhkan pusat itu, majikan perlu memberi subsidi iaitu elaun penjagaan anak memandangkan

kosnya tinggi jika menghantar anak ke rumah pengasuh atau Taska," katanya.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah Jabatan Buruh, Muhamad Saufee Ab Muain berkata, pemberian elaun penjagaan anak mungkin sukar dilaksanakan kerana ia melibatkan kos yang tinggi. "Tambahan pula, kita tidak tahu sama ada pekerja itu akan menghantar anaknya ke rumah pengasuh atau taska. Dia mungkin mengambil duit itu untuk kegunaan lain," kata Muhamad Saufee.

Mengenai penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak, beliau berkata, setakat ini, terdapat 29 majikan (swasta dan agensi kerajaan) yang sudah mewujudkan kemudahan tersebut dan 25 majikan lagi masih dalam proses untuk didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM).

Bagaimanapun, Muhamad Saufee berkata, bagi sektor perladangan, tuan punya estet dikehendaki menyediakan pusat itu jika terdapat sekurang-kurangnya sepuluh orang kanak-kanak yang berusia empat tahun ke bawah. Ini kerana pekerja estet tinggal dalam kawasan estet itu sendiri dan adalah menjadi tanggungjawab majikannya untuk menyediakan kemudahan berkenaan.

Ditanya mengenai peraturan am penubuhan dan pendaftaran pusat penjagaan kanak-kanak, beliau berkata, terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi. Antaranya:

- * Klasifikasi pusat penjagaan kanak-kanak - pengasuhan kanak-kanak hendaklah dipisahkan mengikut umur.

- * Jenis pusat penjagaan kanak-kanak - pusat ini perlu diadakan di bangunan yang selamat. Bagi bangunan tinggi, ia perlu ditempatkan tidak melebihi tingkat dua atau sekiranya di tingkat yang lebih tinggi, ia perlu mendapatkan pengesahan Jabatan Perkhidmatan Bomba.

- * Pengurusan pusat penjagaan kanak-kanak - pengurusan boleh dijalankan secara percuma atau mengenakan bayaran yang berpatutan kepada pekerja.

- * Lokasi dan piawai pusat penjagaan kanak-kanak - premis hendaklah di tempat yang selamat, bersih dan sempurna.

- * Penamaan pusat penjagaan kanak-kanak.

Bagi majikan yang berminat mewujudkan pusat berkenaan, hantarkan kertas cadangan kepada Ketua Pengarah Buruh, Ibu Pejabat Jabatan Buruh, Paras 5, Blok B Utara, Pusat Bandar Damansara, 50532, Kuala Lumpur.

Apa jua masalah yang diutara, majikan tidak harus memandang ringan hak pekerja wanita mereka. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pernah mengatakan yang undi wanita boleh dianggap sebagai penentu kemenangan parti. Ini kerana, wanita mewakili sekitar 50 peratus daripada keseluruhan 9.56 juta pengundi berdaftar bagi pilihan raya lepas.

(END)